

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 DISEMBER 2014 (KHAMIS)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|-----|--|-----------------|
| 1 | 200,000 bergelar ahli teknologi profesional mulai Mei 2015 | Utusan Malaysia |
| 2 | Manfaat buat graduan universiti teknikal | Harian Metro |
| 3 | Undang-undang teknologi dan juruteknik beri manfaat kepada 200,000 graduan | Bernama.com |
| 4 | KPRJ Petroleum, SIRIM bangunkan pusat penyelidikan | Berita Harian |
| 5 | Zambry minta siasat dakwaan tilapia diberi makan babi | Bernama.com |
| 6 | Angin kencang dan laut bergelora di perairan Sabah dan Labuan berterusan hingga selasa | Bernama.com |
| 7 | Kerajaan komited perkasa golongan OKU dengan penubuhan pusat rujukan | Bernama.com |

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 4 DISEMBER 2014 (KHAMIS)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) memperkatakan sesuatu kepada Ahmad Zaidee Ladin (kanan) sambil diperhatikan Shahrin Sahib (dua dari kanan) semasa Persidangan Antarabangsa Ke-5 Teknologi Sistem Dasar Laut: Teori dan Aplikasi (USYS'14) di Melaka, semalam.

200,000 bergelar ahli teknologi profesional mulai Mei 2015

MELAKA 3 Dis. - Kira-kira 200,000 lulusan bidang teknikal dan kejuruteraan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) yang tidak diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bakal bergelar ahli teknologi profesional apabila Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 diluluskan di Dewan Rakyat Mac ini.

Timbalan Menteri Sains dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, apabila rang undang-undang baharu itu diluluskan, ia akan mula dikuatkuasaan Mei tahun hadapan sekali gus membolehkan mereka mendapat pengiktirafan sebagai profesional sama seperti jurutera yang menggunakan gelaran Ir.

Menurutnya, melalui akta berkenaan, lulusan tersebut menjadi golongan profesional dalam bidang teknologi dan akan diberi gelaran TS.

Katanya, akta itu juga membo-

lehkan lulusan jurusan juruteknik diiktiraf sebagai juruteknik bertaualiah.

"Arkitek ada profesional, akauntan juga ada profesional dan ahli teknologi adalah satu kerjaya profesional baharu di Malaysia yang mengiktiraf kepakaran berdasarkan kemahiran.

"Selama ini mereka menganggap lulusan dalam bidang teknikal dan kejuruteraan yang tidak diiktiraf oleh LJM sebagai kelas kedua tetapi melalui rang undang-undang yang dibawa di Dewan Rakyat, mereka akan bergelar ahli teknologi profesional," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Kelima Teknologi Sistem Dasar Laut: Teori dan Aplikasi (USYS'14) anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Ahli

Lembaga Pengarah UTeM, Tan Sri Dr. Ahmad Zaidee Ladin dan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib.

Abu Bakar berkata, Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 telah dibaca buat kali pertama di Dewan Rakyat pada 27 November lalu dan bacaan kali kedua dan ketiga dijadualkan Mac ini untuk diluluskan sebelum mula dikuatkuasakan pada Mei.

Menurutnya, akta tersebut apabila diluluskan nanti juga membolehkan lulusan bidang berkenaan menaikkan profesion mereka sebagai ahli teknologi dan juruteknik bertaualiah.

"Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengkaji tangga gaji baharu kepada mereka yang bergelar ahli teknologi apabila akta tersebut mula dikuatkuasakan Mei tahun hadapan," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 18
TARIKH: 4 DISEMBER 2014 (KHAMIS)

Manfaat buat graduan universiti teknikal

Melaka: Pembentangan Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 yang dijangka dibacakan bagi bacaan kedua dan ketiga Mac ini di Parlimen akan memberi manfaat kepada lebih 200,000 graduan universiti teknikal di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Md Diah berkata, sekiranya diluluskan, rang undang-undang yang mula dibentangkan pada sesi Parlimen Ogos lalu itu akan mengiktiraf peranan graduan berkenaan sebagai ahli teknologi.

Katanya, buat masa ini, ijazah yang dimiliki golongan berkenaan tidak diiktiraf Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), sekali gus menafikan peranan mereka sebagai ahli teknologi.

"Melalui akta baru ini, kita harap boleh menggerakkan profesi ahli teknologi dan menyediakan laluan kerjaya yang lebih terarah kepada graduan teknikal.

"Adalah menjadi kerugian besar sekiranya mereka tidak dapat bekerja dengan kelayakan yang dimiliki," katanya selepas merasmikan Persidangan Sistem Teknologi Bawah Permukaan Air di Hotel Bayview di sini, semalam.

Program anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) itu turut dihadiri Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah UTeM, Tan Sri Dr Ahmad Zaidee Laidin serta Naib Canselor UTeM, Prof Dr Shahrin Sahib.

Abu Bakar berkata, pembentangan rang undang-undang berkenaan adalah berita baik untuk lulusan universiti teknikal seluruh negara kerana ia satu daripada laluan menjadi jurutera kelas pertama.

Katanya, kumpulan graduan itu mempunyai kepakaran dalam bidang periksaan, pengujian dan penyelenggaraan produk serta ada di antara mereka dilatih dalam bidang teknikal.

"Selama ini, lepasan universiti teknikal dianggap seperti jurutera kelas kedua dan tidak mendapat pengiktirafan dari segi kepakanan," katanya

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 4 DISEMBER 2014 (KHAMIS)



Undang-undang Teknologi Dan Juruteknik Beri Manfaat Kepada 200,000 Graduan

MELAKA, 3 Dis (Bernama) -- Undang-undang berkaitan Teknologi dan Juruteknik yang dijangka dikuatkuasakan pertengahan tahun hadapan bakal memberi manfaat kepada kira-kira 200,000 graduan bidang teknikal dan teknologi di negara ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata melalui undang-undang itu, kelayakan serta kemahiran graduan dalam bidang teknikal dan teknologi yang tidak mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dapat diperakukan untuk manfaat pembangunan dan kemajuan negara pada masa depan.

"Graduan tersebut berpeluang memperoleh gaji setaraf jawatan profesional lain seperti jurutera dan doktor yang akan ditentukan Jabatan Perkhidmatan Awam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan 'The 5th International Conference on Underwater System Technology: Theory and Applications' di sini, hari ini.

Turut hadir Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof Datuk Dr Shahrin Sahib.

Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 27 Nov lepas dan akan melalui bacaan kali kedua pada Mac tahun depan.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata Lembaga Teknologi Malaysia akan ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan undang-undang tersebut selain berperanan menyediakan silibus bersesuaian untuk dilaksanakan di universiti teknikal di negara ini.

Justeru, katanya, universiti berkenaan perlu berdaftar di bawah Lembaga Teknologi Malaysia bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan mengikut garis panduan ditetapkan untuk diiktiraf.

Sementara itu, Shahrin berkata seminar dua hari bermula hari ini merupakan medium pertukaran ilmu dan idea dalam kalangan penyelidik tempatan, pakar dan pendidik universiti selain memperkuuh jalinan akademik antara peserta.

Beliau berkata sebanyak 38 kertas kerja membabitkan bidang teknologi dalam air akan dibentangkan dalam seminar tersebut.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B6
TARIKH: 4 DISEMBER 2014 (KHAMIS)

KPRJ Petroleum, SIRIM bangunkan pusat penyelidikan

KPRJ Petroleum Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Prasaran Rakyat Johor Sdn Bhd (KPRJ) akan bekerjasama dengan Institut Standard dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM) bagi membangunkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Pengerang, Johor.

Ketua Pegawai Eksekutif KPRJ Petroleum, Zulkifli Abd Rani, berkata penubuhan pusat R&D itu antara lain diyakini dapat membantu mempertingkatkan lagi sektor minyak dan gas Johor sekali gus mampu merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri.

Katanya, selain itu ia juga berupaya menyokong pembangunan Pusat Bersepadu Petroleum Serantau di Pengerang yang akan diban-

gunkan bermula suku pertama tahun hadapan.

Bangun pusat R&D

"KPRJ Petroleum bersama SIRIM akan membangunkan pusat R&D di Pengerang, bagaimanapun buat masa ini, saya tidak dapat memberikan maklumat lebih lanjut mengenainya. Saya akan mengumumkannya dalam tempoh terdekat ini.

"Saya berharap ia akan membantu dalam usaha KPRJ Petroleum melahirkan modal insan kelas pertama selain membantu mempertingkatkan bidang penyelidikan dan pembangunan ke satu tahap yang lebih tinggi," katanya pada sidang media selepas memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama tiga syarikat

sebagai rakan usahawan dalam mempelbagaikan bidang sokongan bagi industri minyak dan gas terutama dalam pembangunan Pusat Bersepadu Petroleum Serantau di Johor Bahru, semalam.

Syarikat berkenaan ialah Gates IT Solutions Sdn Bhd yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Husni Rulai; Miradama Resources Sdn Bhd diwakili Pengurusnya, Ahmad Sahiri Sapom dan Duta Berkat Corporation Sdn Bhd diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nazmi Othman.

Tambah pendapatan

Dalam pada itu, Zulkifli berkata, setakat ini pihaknya sudah memeterai 17 MoU bersama syarikat



Zulkifli Abd Rani

swasta dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta dua syarikat antarabangsa dari Perancis.

"Penubuhan Pusat Bersepadu Petroleum Serantau dijangka menambah pendapatan Kerajaan Johor untuk jangka panjang, di samping memperkasakan pembabitan Bumiputera, terutama anak Johor dalam industri minyak dan gas," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 4 DISEMBER 2014 (KHAMIS)



Zambry Minta Siasat Dakwaan Tilapia Diberi Makan Babi

IPOH, 3 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir meminta jabatan yang berkenaan termasuk Jabatan Perikanan dan Jabatan Agama Islam negeri menjalankan siasatan serta mengambil tindakan sewajarnya berhubung dakwaan ikan tilapia diberi makan bangkai babi.

Beliau berkata dakwaan perbuatan itu dilakukan di sebuah kolam di Bukit Tinggi, Redang Panjang dekat Kubu Gajah perlu ditangani sewajarnya kerana ia membabitkan sensitiviti agama dan kehidupan masyarakat berbilang kaum di Perak.

"Ada tindakan pihak tertentu (buang bangkai babi) dan ianya akan menimbulkan persepsi yang tidak baik. Jadi saya minta siasatan dijalankan mengenai laporan itu dan mengambil tindakan sewajarnya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini, pada Rabu.

Sebuah akhbar pada Rabu melaporkan, gambar bangkai dipercayai babi yang diletakkan di tengah-tengah kolam ternakan itu dimuat naik dalam laman sosial Facebook oleh seorang individu.

Sebaik mendapat tahu mengenainya, Jabatan Perikanan Perak dan beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Agama Islam Perak, pentadbir daerah Selama dan polis segera menyerbu lokasi itu semalam.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Perak Dr Bah Piyan Tan ketika dihubungi berkata pihaknya telah pun mengambil sampel beberapa jenis ikan di kolam berkenaan untuk dianalisis oleh **Jabatan Kimia** dan keputusannya dijangka siap dua minggu lagi.

"Bagi pihak Jabatan Perikanan Negeri Perak kita telah menjalankan siasatan dan pergi ke kolam tersebut bersama ADUN (Anggota Dewan Undangan Negeri) serta Jabatan Agama Islam. Kita telah ambil tindakan itu," katanya.

Beliau berkata ia bukan hanya tanggungjawab Jabatan Perikanan malah agensi yang berkenaan juga perlu mengambil tindakan sewajarnya.

"Sekarang penternak dah ambil mudah dia tengok kolam dia bagi ikan makan benda itu. Agensi yang berkenaan sepatutnya mengawal ke mana bangkai itu pergi. Sampai bila Jabatan Perikanan mahu tangani perkara ini jika tiada kawalan sedemikian," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 4 DISEMBER 2014 (KHAMIS)



Angin Kencang Dan Laut Bergelora Di Perairan Sabah Dan Labuan Berterusan Hingga Selasa

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut yang berlaku di kawasan perairan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dijangka berterusan hingga Selasa depan (9 Dis).

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan hari ini berkata angin kencang berkelajuan 40 sehingga 50 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot-bot kecil dan rekreasi laut.

Keadaan angin kencang tersebut juga dijangka berlaku berterusan hingga pada hari yang sama di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Labuan, Palawan, Sulu dan Sulawesi.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 4 DISEMBER 2014 (KHAMIS)



Kerajaan Komited Perkasa Golongan OKU Dengan Penubuhan Pusat Rujukan

SEREMBAN, 3 Dis (Bernama) -- Kerajaan terus komited memperkasakan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan mewujudkan 'Universal Design Showcase Product @JKM-MRM' yang akan menjadi pusat rujukan kepada pelbagai pihak mengenai isu-isu berkaitan OKU.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata penubuhan pusat rujukan itu di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi adalah hasil kerjasama dengan Majlis Reka Bentuk Malaysia.

"Pewujudan pusat rujukan ini adalah untuk mempromosi penggunaan produk reka bentuk sejagat di kalangan masyarakat selain menggalakkan penyelidikan dan pembangunan ke atas produk-produk berkonsepkan reka bentuk sejagat," katanya di dalam ucapan perasmian Sambutan Hari Kebangsaan OKU Peringkat Kebangsaan di sini pada Rabu.

Teks ucapannya telah dibacakan oleh Timbalan Menterinya Datin Paduka Chew Mei Fun.

Rohani berkata kerajaan juga menyedari bahawa hasil produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan institusi di bawahnya mempunyai potensi untuk dibangunkan dan dipasarkan di peringkat antarabangsa.

"Menyedari peluang ini, kementerian sedang mengambil inisiatif untuk mengkomersilkan produk inovasi yang telah dihasilkan melalui kerjasama dengan **Technology Park Malaysia** yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam pembangunan produk inovasi di negara kita.

Adalah diharapkan semua produk atau perkhidmatan serta proses penghasilan yang disuntik dengan elemen inovasi ini dapat diketengahkan bukan sahaja untuk kegunaan di JKM bahkan diperluaskan kepada masyarakat umum," katanya.

Beliau berkata kementerian melalui JKM juga telah memperkenalkan strategi baru melalui perusahaan sosial yang menjalankan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dalam menghasilkan sesuatu produk atau perkhidmatan.

"Projek ini menjadi platform untuk OKU bekerja serta menjana pendapatan, membina pelbagai kemahiran serta menambah pengetahuan dalam perniagaan," katanya.

Setakat September tahun ini sejumlah 506,228 OKU telah berdaftar dengan JKM yang terdiri daripada OKU penglihatan sebanyak 47,721 orang, OKU pendengaran (59,868), OKU fizikal (166,206), OKU masalah pembelajaran (182,055), OKU pertuturan (3,792), OKU mental (21,237) dan OKU pelbagai kategori seramai 25,349 orang.

Sementara itu, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir berkenan merasmikan Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan, di sini.

Turut berangkat ke majlis itu Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang juga dihadiri Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan dan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Datuk Dr Awaludin Said.

Baginda turut berkenan menyampaikan 12 anugerah khas OKU antaranya Anugerah Pusat Dalam Komuniti (PDK) Cemerlang kepada PDK Seri Malindo, Masjid Tanah, Melaka; Anugerah Khas OKU (Usahawan) kepada Mohd Shukur Ibrahim; Anugerah Khas OKU (Akademik) kepada Dr Naziaty Mohd Yaacob dan Anugerah Khas OKU (Sukan) Mohamad Azlan Mat Lazin.

QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd, GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd, Aeon Co. (M) Bhd, Pertama Theraphy Zone dan MR D.I.Y Trading Sdn Bhd pula menerima Anugerah Majikan Prihatin.

Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin pula diterima oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Daerah Kampar.

-- BERNAMA